

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2003**

=====

**PENERIMAAN BAYARAN PREMIUM SETELAH
TEMPOH BAYARAN LUPUT**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan dan memberi garis panduan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri membenarkan penerimaan bayaran premium walaupun tempoh bayaran telah luput.

2. LATAR BELAKANG

Ekoran daripada perbincangan mengenai kekurangan kutipan hasil negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telahpun membuat keputusan supaya semua Pentadbir Tanah menerima bayaran premium walaupun telah luput tempoh bayaran. Bagi tujuan ini Pihak Berkuasa Negeri tidak menetapkan had tempoh selepas luput yang dibolehkan dibuat bayaran. Pihak Berkuasa Negeri sekali lagi dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 8 Januari 2003 membuat keputusan menetapkan had tempoh luput yang boleh diterima bayaran.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1. Jumlah premium yang perlu dijelaskan mestilah jumlah premium yang dikenakan mengikut borang 5A atau 7G.

- 3.2. Bayaran premium boleh dibuat dalam tempoh 3 tahun selepas tarikh luput borang 5A atau 7G dikeluarkan dan bayaran hendaklah dibuat secara sekaligus **dengan syarat tanah tersebut masih belum diberimilik kepada pemohon lain.** Sekiranya tempoh bayaran telah luput melebihi 3 tahun dan pemohon masih berminat untuk memiliki atau membangunkan tanah tersebut, pemohon bolehlah memohon semula untuk pemberimilikan atau membuat permohonan timbang semula bagi tukar syarat tanah
- 3.3. Pentadbir Tanah tidak perlu mengeluarkan borang 5A atau 7G yang baru kepada pemilik atau pemaju tanah bagi pembayaran premium tersebut.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

5. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hanya terpakai kepada permohonan-permohonan yang luput tempoh bayaran premium pada atau sebelum tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 2 Tahun 2002 adalah terbatal.

T.T
(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 15 April 2003

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.3/2008***
NHT/nht. (Pek.PTG...Diskett A)